

U 8433 AA8
MAHATHIR - COLOMEO RRR

1984
KUALA LUMPUR, 5 NOV. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI MALAYSIA TERLIBAT SEPENUHNYA DENGAN RANCANGAN COLOMBO DAN MENGHARAPKAN NEGARA-NEGARA LAIN JUGA DEMIKIAN. PERDANA MENTERI BERKATA IKRAR MALAYSIA INIDIBUAT KERANA ADA SESE'TENGAH NEGARA BERSIKAP DINGIN KEPADA RANCANGAN COLOMBO YANG TELAH DILANCARKAN DALAM TAHUN 1952.

+ KAMI KHUATIR DALAM SESETENGAH BIDANG TERDAPATSIKAP YANG DINGIN KEPADA RANCANGAN COLOMBO. MALAH ORANG TIDAK LAGI MEMANDANG BAGITU TINGGI LAGI KEPADA SESETENGAH PERJALANAN AGENSINYA.

+ PERLU SEKALI DINYATAKAN BAHAWA KAMI TERLIBAT DENGAN RANCANGAN COLOMBO DENGAN HARAPAN SUPAYA NEGARA-NEGARA LAIN IKUT TERLIBAT,+ KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN MESYUARAT PERUNDINGAN KE-30 RANCANGAN COLOMBO DI HOTEL HILTON DISINI.

BELIAU MENGHURAIKAN LEBIH LANJUT UCAPANNYA YANG MENEGASKAN LAGI PERLIBATAN MALAYSIA KEPADA RANCANGAN COLOMBO DAN SEMANGAT PERSAHABATANANTARABANGSA, SALING KERJASAMA DAN BERSEFAHAMAN.-- LAGI
1444MST 05 11 0 4

D494

U 8436 AAB
MAHATHIR - COLOMBO 2 KUALA LUMPUR
DATUK SERI DR; MAHATHIR JUGA MENGGESA NEGARA-NEGARA ANGGOTA RANCANGAN ITU SUPAYA BERUSAHA MEWUJUDKAN SUASANA DUNIA YANG MENYENANGKAN BAGI MENJAMIN PERTUMBUHAN EKONOMI YANG CEPAT.

SUASANA YANG DEMIKIAN ANTARALAINMEMBOLEHKAN NEGARA-NEGARA YANG SEDANG MEMBANGUN MENDAPATKAN PASARAN, HARGA BARANGAN YANG UJAR DAN BERPATUTAN, KEDUDUKAN KEWANGAN DUNIA YANG MANTAP, KEMUDAHAN MODAL DAN PERPINDAHAN TEKNOLOGI DAN PROSES YANG BERKESAN DALAM IMBANGAN ANTARABANGSA.

BELIAU JUGA MENYEBUT BETAPA PERLUNYA NEGARA-NEGARA YANG SEDANG MEMBANGUN BERGERAK PANTASBAGI MEMPERBAIKI KECEKAPAN MENGGEMBELING SUMBERMASING-MASING DAN MENDAPATKAN KEMAHIRAN DEMI MENCAPAI TAHAP EKONOMI YANG LEBIH TINGGI DAN KEMAJUAN SOSIAL.

BELIAU MENEKANKAN PERLUNYA DIBANGUNKAN ASAS PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SEBAGAI SUATU SYARAT PENTINC MENERIMA TEKNOLOGI DARI NEGARA-NEGARA INDUSTRI YANG SUDAH MAJU.

+ DENGAN MENINGKATKAN TAHAP KEMAMPUAN MENERIMA OLEH NEGARA-NECARA YANG SEDANG MEMBANGUN MELALUI RANCANGAN LATIHAN TENAGA SANTIFIK DAN TEKNOLOGI YANG GIGIH, SAYA PERCAYA MEREKA YANG BARU MULA PUN, BOLEH MEMBUKA LANGKAH DALAM PROSES PEMBANGUNAN DAN MENGGUNAKAN TEKNOLOGI YANG TERBARU DALAM INDUSTRI MASING-MASING, + KATA PERDANA MENTERI. -- LAGI

1505MST 05 11 84

u 0442 AAB

MAHATHIR - COLOMBO 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR PERCAYA INI AKAN MENOLONG MEREKA MENJADI LEBIH GERLUMBAAN DAN MALAH SEBENARNYA AKAN MENDORONG BELANJAHIDUP YANG LEBIH RENDAH.

BELIAU MENYEBUT BAHAWA DI NEGARA-NEGARA MAJU KEBANYAKAN KEGIATAN ASAS PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN DIBIYAI DAN DIKENDALIKAN OLEH SEKTOR SWASTA, TERUTAMA DALAM PENYELIDIKAN MAKMAL PERBADANAN-PERBADANAN ANTARABANGSA MEREKA.

DI NEGARA-NEGARA YANG SEDANG MEMBANGUN HAL INI KALAU ADA SEDIKIT PUN DIUSAHAKAN OLEH SEKTOR AWAM DAN ITUPUN TERTUMPU KEPADA PENYELIDIKAN YANG ASAS, TERBATAS BIDANG DAN PENGGUNAANNYA.

+ MEMANGLAH SATU LANGKAH YANG WAJAR JIKA KERAJAAN NEGARA-NEGARA YANG SEDANG MEMBANGUN BERKERJA RAPAT DENGAN SEKTOR SWASTA UNTUK MENGGALAKKAN KEGIATAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN INI DALAM BIDANG-BIDANG YANG PENGGUNAANNYA PUNYA POTENSI LUAS UNTUK PERNIAGAAN. +

PERDANA MENTERI MENCADANGKAN SUPAYA PERJANJIAN-PERJANJIAN USAHASAMA DALAM SESUATU INDUSTRI MEMASUKKAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN INI SEBAGAI SUATU SYARAT WAJIB. -- LAGI

1521MST 05 11 84

D510

U B446 AAB

MAHATHIR - COLOMBO 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MANFAAT DARIPADA LANGKAH-LANGKAH SEUMPAMA ITU DAPAT DILIHAT MELALUI PENGALAMAN SESETENGAH NEGARA ANGGOTA.

MALAH MENURUT BELIAU, LAGI, DI NEGARA-NEGARA. ITU KEJAYAAN PERPINDAHAN TEKNOLOGI DALAM BANYAK BIDANG INDUSTRI SEPERTI ELEKTRONIK, PEMBUATAN KAPAL DAN INDUSTRI-INDUSTRI KIMIA BERHASIL DENGAN MEMPASTIKAN BAHAWA PERJANJIAN-PERJANJIAN USAHASAMA MEWAJIBKAN PENUBUHAN KEMUDAHAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN. -- BERNAMA

1534MST 05 11 84